

28 NOV 1999
P/Raya-Keputusan
HARI PENENTUAN BAGI RAKYAT M'SIA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Selepas kempen yang melelahkan selama sembilan hari, nasib parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dan pembangkang kini di tangan separuh daripada penduduk Malaysia yang akan menentukan esok, kerajaan yang akan membawa mereka ke alaf baru.

Lebih kurang 17,000 pusat mengundi akan dibuka pada 8 pagi di Semenanjung dan setengah jam lebih awal di Sabah dan Sarawak dengan semua petunjuk menunjukkan lebih ramai pengundi akan keluar mengundi tahun ini di kalangan 9.6 juta pengundi berdaftar, yang didorong oleh sorak pertempuran antara BN dan pembangkang.

BN yang berkuasa 42 tahun, iaitu sejak negara merdeka, berkempen atas agenda kesinambungan dan perpaduan berlatarbelakangkan pemulihan ekonomi yang kukuh dan meminta rakyat jangan menggadaikan masa depan mereka dengan mengundi pembangkang yang tidak teruji dan dasar-dasar bercanggah mereka.

Tetapi buat pertama kali dalam sejarah negara, parti-parti pembangkang berjaya mengetepikan perbezaan antara mereka dan membentuk pakatan yang digelar Barisan Alternatif, yang membawa kepada pertembungan satu lawan satu dengan BN di kebanyakan daripada 192 kerusi Parlimen yang menyaksikan pertandingan. BN memenangi satu kerusi tanpa bertanding pada hari penamaan calon pada 20 Nov lepas.

Barisan pembangkang, di sebaliknya, merayu kepada rakyat supaya mengundi untuk perubahan, dengan ada di kalangan mereka berkeyakinan yang ini peluang terbaik mereka untuk berkuasa.

Pilihan raya umum ke 10 juga menyaksikan pembabitan hebat media yang tidak pernah disaksikan sebelum ini, dengan BN membidas pembangkang setiap hari dalam akhbar-akhbar utama dan televisyen, khasnya akan dasar-dasar pembangkang dan pemimpin-pemimpin mereka.

Pembangkang yang tidak mahu ketinggalan atau mengaku kalah, membalas terutamanya melalui risalah dan Harakah, akhbar Parti Islam SeMalaysia (PAS), yang jualannya mencatatkan angka tertinggi sekali.

Pengarang Harakah Zulkifli Sulong dipetik sebagai berkata yang edaran akhbar dua kali seminggu itu mencapai 340,000 semasa tempoh kempen, menjadikannya terbesar di kalangan semua akhbar di negara.

Dan yang lebih menarik ialah kempen melalui Internet, yang digunakan hingga maksimum untuk menyampaikan mesej, khasnya oleh Parti Keadilan Nasional yang telah lama berkempen dalam ruang siber bermula dengan sokongan bagi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dilucutkan jawatannya.

Anwar, calon barisan pembangkang untuk dipilih sebagai Perdana Menteri jika pembangkang menang, bagaimanapun tidak bertanding kerana menjalani hukuman penjara enam tahun atas tuduhan menyalahgunakan kuasa.

Tetapi Anwar menghantar rayuan yang ditulis dengan tangan dari penjara kepada pengundi supaya menamatkan penguasaan BN.

Pilihan raya kali ini juga menerima liputan meluas media antarabangsa dengan kesemua mereka bersetuju dengan ramalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang BN akan dapat kekalkan majoriti dua pertiganya dalam Parlimen.

Semasa kempen, media antarabangsa khasnya rangkaian televisyen memberi tumpuan kepada isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang akan mempertahankan kerusi Parlimen suaminya iaitu Permatang Pauh, yang disandang oleh Anwar sejak empat pilihan raya lepas.

Memandangkan akan ada undi simpati bagi Anwar, pertandingan di sini

sudah pasti sengit, sehinggakan Dr Mahathir terpaksa turun padang untuk kempen di kawasan pilihan raya itu dalam memastikan kemenangan memihak kepada calon BN iaitu rakan Anwar dari zaman mudanya lagi, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Kali ini, Dr Mahathir mengharungi kempen yang paling sukar dengan merentasi seluruh negara, adakalanya ke tiga negeri dalam satu hari, menyampaikan ucapan berbilang kali dan berjabat tangan dengan beribu-ribu orang.

Dr Mahathir yang mengetuai BN bagi pilihan raya kelima dalam tempoh 18 tahun beliau menjadi Perdana Menteri memberitahu pengundi di Permatang Pauh, sebuah kawasan Melayu, Anwar, yang beliau lucutkan pada 2 Sept tahun lepas bertanggungjawab sendiri terhadap apa yang berlaku padanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita yang pilihan raya adalah peluang bagi memilih kerajaan yang baik dan bukan untuk meluahkan kemarahan atau kekecewaan, mungkin merujuk kepada demonstrasi jalanan di Kuala Lumpur oleh penyokong-penyokong Anwar.

Walaupun keretakan dalam perpaduan orang Melayu yang menjadi sumber sokongan bagi PAS dan Umno, iaitu tulang belakang BN yang terdiri daripada 14 parti komponen, dan faktor Anwar yang nampaknya menyatukan pembangkang, Dr Mahathir menaruh harapan pada apa yang beliau panggil "majoriti berdiam" untuk memastikan kemenangan BN.

BN menyandang 166 daripada 192 kerusi apabila Parlimen dibubarkan pada 11 Nov lepas.

Beliau berkata, majoriti berdiam tampil dengan sendiri untuk menyatakan sokongan kepada kerajaan dalam bilangan paling besar berbanding sebelum ini.

BN dan pembangkang berbuat apa sahaja yang boleh dalam pusingan akhir kempen sehinggakan beberapa daripada akhbar utama melaporkan masalah rumahtangga Anwar dan Dr Wan Azizah.

Dr Mahathir sendiri, apabila ditanya oleh pemberita hari ini berkata: " Saya tahu Wan Azizah meminta penceraian daripada Anwar:

Fokus pilihan raya itu juga bertumpu ke Kelantan, negeri tunggal yang tidak ditadbir oleh BN, yang kali ini mengatur strategi rapi untuk menawan negeri itu daripada PAS.

Tetapi PAS telah berkata, yang ia bukan sahaja pasti dapat mengekalkan Kelantan tetapi juga akan melakukan "beberapa kejutan" di Terengganu, negeri yang kaya dengan sumber petroleum yang telah lama diidamkan oleh parti itu.

Pemimpin-pemimpin PAS yakin ini peluang terbaik parti itu untuk menawan Terengganu dan berpendapat ia mampu menunjukkan prestasi yang lebih baik di Kedah dan Perlis, iaitu semua negeri utara yang majoriti penduduknya rata-rata orang Melayu.

Beberapa bulan sebelum pilihan raya ini, Dr Mahathir sendiri telah berkata ia pilihan raya yang terkotor dalam sejarah negara khasnya kerana pembohongan dan kempen benci oleh pembangkang.

Seorang lagi pemimpin pembangkang, Lim Kit Siang, yang jarang bersetuju dengan Perdana Menteri atas dasar-dasar negara, juga bersependapat dengan Dr Mahathir yang kempen pilihan raya kali ini adalah yang terkotor sekali sejak kemerdekaan.

"Kenyataan-kenyataan untuk mengapi-apikan dan untuk menakutkan oleh Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin BN lain disiarkan sewenang-wenangnya sebagai mesej yang membawa rasa takut dan benci," kata setiausaha Agung DAP itu dalam satu kenyataan.

Tetapi sehari sebelum pengundian, wartawan Jocelyn Tan dalam rencananya di New Sunday Times dengan ringkas dan menarik menggulung suasana pilihan raya negara apabila beliau berkata: " Apabila kempen tamat tengah malam ini, rakyat Malaysia lebih daripada bersedia untuk memilih kerajaan mereka

bagi lima tahun akan datang".
-- BERNAMA
AU PR